

Bukan niat Pusat cabuli hak negeri

(Y)
SERDANG, Khamis — Arahan Kerajaan Pusat supaya Sabah mengurangkan eksport balak tidak mempunyai maksud untuk campur tangan dalam hak negeri, sebaliknya bertujuan menyelamatkan keluaran utama negeri itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Kerajaan tidak akan melakukan sesuatu, termasuk campurtangan dalam masalah negeri, jika ia adalah di luar undang-undang negara.

"Semua yang kita lakukan adalah berlandaskan kepada peruntukan kuasa Kerajaan Pusat," katanya kepada pemberita selepas melawat Mardi di sini, hari ini.

Menurutnya, Kerajaan Pusat bimbang dengan pembalakan yang tidak terkawal di Sabah kerana ia boleh

menyebabkan kepupusan hutan yang mengakibatkan tiada lagi balak untuk ditebang.

"Kalau dulu Sabah menghasilkan lebih banyak balak dari Sawarak tetapi sekarang tidak banyak lagi keluaran balak Sabah. Malah, pembalakan di Sabah sudah tidak mengambil kira lagi kesan kepada hutan dan iklim," ujarnya.

Semalam, Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee, berkata kerajaan negeri menganggap arahan Kerajaan Pusat sebagai menghalang hak negeri Sabah.

Beliau berkata, Kerajaan Pusat perlu menjelaskan mengenai arahan itu kerana beliau mendakwa tidak ada siapa berhak campurtangan dalam hal-ehwal negeri, termasuk soal perhutanan.

Ditanya sama ada dakwaan kerajaan negeri Sabah bahawa arahan Kerajaan pusat bertujuan 'menghukum' Parti Bersatu Sabah (PBS) kerana keluar daripada Barisan Nasional (BN), Perdana Menteri berkata:

"Sejak dulu pun kita menggesa mereka berkali-kali supaya mengurangkan pembalakan walaupun ketika itu PBS masih dalam BN tetapi mereka tidak peduli."

Beliau juga hairan dengan pengagihan hasil balak Sabah yang sepatutnya melalui pembalakan besar-besaran itu boleh digunakan untuk pembangunan dan kemajuan rakyat.

"Tetapi kita nampak pembangunan di Sabah tidak begitu pesat sebagaimana yang sepatutnya (melalui hasil balak)," katanya.